

Keperluan Pembangunan Taman Rekreasi Awam di Parit Raja, Batu Pahat Johor

**Mohamad Nuramin Md Samsudin¹, Haidaliza Masram^{1*} &
Azlina Md Yassin¹**

¹Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor,
MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.095>

Received 1 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 1 June 2021

Abstract: The development of public recreation park is one of the facilities that need to be provided by the Local Authority (PBT) for the community of a city. Public recreation park is a recreational area that focuses on the society for recreation activities and relaxation either with family members, friends or individually. The case study area, Parit Raja is one of the small towns under Batu Pahat Municipal Council, which has a growing population but does not have any recreational facilities provided specifically for its residents. Implementation issue in the development of public recreation park and its importance to the locals is seen as significant to justify the need for its provision in Parit Raja. In this regard, this study's objectives are to identify current issues related to the development of public recreation park in Parit Raja and to study the community's perception on the importance of developing public recreation park in Parit Raja, Batu Pahat, Johor. This study applied quantitative and qualitative approach through interview and survey. This study identifies the current situation of recreational facilities in Parit Raja, where some neglects and lack of scheduled maintenance were observed. Allocation cost, land ownership and unavailability of suitable land are the main issues highlighted in preparation and development of public recreation park in the study area. Lastly it concluded that the local community agreed that provision of a public recreation park is timely hence emphasizing its importance for the local community of Parit Raja. .

Keywords: Public Recreation Park, Importance, Local Community

Abstrak: Pembangunan kawasan rekreasi awam merupakan salah satu kemudahan fasiliti yang harus disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk masyarakat bagi sesebuah bandar. Taman rekreasi awam merupakan kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan umum masyarakat untuk tujuan beriadah dan berehat sama ada bersama ahli keluarga, rakan ataupun secara sendirian. Kawasan kajian Parit Raja merupakan sebuah bandar kecil di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat yang mempunyai jumlah penduduk yang semakin

meningkat tetapi tidak mempunyai kemudahan rekreasi yang khusus untuk penduduknya. Isu pelaksanaan pembangunan taman rekreasi awam serta kepentingannya kepada penduduk tempatan adalah penting untuk memberi justifikasi kepada penyediaan taman rekreasi awam di Parit Raja. Sehubungan itu, objektif kajian penyelidikan adalah mengenalpasti isu-isu semasa berkaitan dengan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja serta mengkaji persepsi komuniti tempatan tentang kepentingan penyediaan taman rekreasi awam di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Kajian ini mengaplikasi kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui temu bual serta soal selidik.. Kajian mengenalpasti isu semasa berkenaan fasiliti rekreasi awam di Parit Raja di mana ia agak terabai dan kurang pemantauan secara berkala. Isu utama persediaan dan pembangunan kawasan rekreasi awam pula adalah tentang kos peruntukkan, isu pemilikan tanah oleh pihak berkuasa tempatan dan isu ketiadaan kawasan lapang yang bersesuaian di kawasan kajian. Kesimpulan akhir dari kajian mendapati penduduk setempat bersetuju penyediaan kawasan rekreasi awam perlu di segerakan di mana ini memberi gambaran tentang kepentingan untuk membangunkan taman rekreasi awam di Parit Raja.

Kata Kunci: Taman Rekreasi Awam , Kepentingan, Komuniti Tempatan

1. Pengenalan

Taman rekreasi awam merupakan satu tempat atau kawasan lapang hijau yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan ataupun kerajaan negeri untuk penduduk setempat melakukan aktiviti riadah, dan rekreasi iaitu rekreasi pasif atau aktif. Taman rekreasi awam bagi sesebuah bandar dapat diperguna untuk melembabkan udara, menapis kekotoran udara yang tercemar, menjaga imej bandar, menyediakan ruangan perlindungan kepada habitat burung dan tempat untuk istirehat (Bakar, 2010). Peyediaan taman rekreasi awam adalah sebagai satu elemen untuk sistem sosial yang akan memberi galakkan kepada masyarakat untuk membina semangat kekitaan (Jubenville, 1976)

Parit Raja adalah sebuah bandar kecil di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat yang mempunyai jumlah penduduk yang semakin meningkat pada setiap tahun (Shafii, H., & Miskam, N. 2017). Walau bagaimanapun, taman rekreasi awam yang paling hampir dengan pekan Parit Raja iaitu Taman Rekreasi Tasik Y pula terletak di bandar Batu Pahat, yang mengambil masa perjalanan lebih kurang 30 minit dari Parit Raja untuk ke tempat rekreasi tersebut. Senario ini, menekankan keperluan kawasan rekreasi awam di Parit Raja bagi memudahkan lagi masyarakat melakukan aktiviti riadah mereka.

1.1 Penyataan Masalah

Ketiadaan taman rekreasi awam menyebabkan penduduk sekitar Parit Raja sukar untuk melakukam aktiviti riadah bersama keluarga, jiran tetangga, dan rakan-rakan. Walaupun terdapat tempat untuk rekreasi di sekitar kawasan Parit Raja namun ianya di sediakan khusus untuk pelajar dan petugas Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di mana kawasan rekreasi tersebut terletak di dalam kawasan kampus UTHM yang dikhususkan kepada petugas dan para pelajar UTHM sahaja.

Selaras dengan peningkatan taraf ekonomi dan sosioekonomi hidup penduduk di Parit Raja serta kemajuan ekonomi dan infrastruktur adalah wajar taman rekreasi awam dibangunkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat untuk memenuhi kehendak penduduk setempat. Selain dari itu, isu-isu yang dihadapi tentang pembangunan rekreasi awam di kawasan Parit Raja perlu di kenalpasti agar mampu ditangani oleh pihak yang bertanggungjawab. Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) iaitu pihak berkuasa perancangan tempatan di nyatakan sebagai pihak yang bertanggungjawab menjadikan Parit Raja sebuah bandar yang dilengkapi pelbagai jenis kemudahan masyarakat dan terus berusaha dan komited ke arah tujuan tersebut (Shafii & Miskam, 2017).

Menurut sumber data yang diperolehi jumlah pelajar dan petugas UTHM setakat ini sedang menampung 10,000 orang, manakala jumlah pelajar dan petugas KKTM setakat ini 5,000 orang. Oleh itu, persepsi penduduk setempat amat signifikan untuk melihat kepentingan membangunkan taman rekreasi untuk penduduk yang semakin meningkat di Parit Raja. Seterusnya, persoalan mengenai isu-isu semasa berkaitan dengan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja serta apakah kepentingan pembangunan taman rekreasi awam bagi penduduk di sekitar Parit Raja.

1.2 Objektif Kajian

- (i) Mengenalpasti isu-isu semasa berkaitan dengan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja.
- (ii) Mengkaji kepentingan pembangunan taman rekreasi awam serta kawasan lapang hijau bagi penduduk di Parit Raja.

2. Kajian Literatur

2.1 Definisi Taman Rekreasi Awam

Rekreasi memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan nilai-nilai murni yang pelbagai terhadap masyarakat moden masa kini. Taman rekreasi awam atau juga dikenali sebagai taman awam yang merupakan kawasan yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan kawasan lapang yang berperanan memberi manfaat kepada pengguna dan orang awam.

2.2 Konsep Penyediaan Taman Rekreasi Awam

Reka bentuk rekreasi memberi maksud memilih atau menyusun atur suatu elemen rekreasi seperti pokok-pokok tumbuhan, struktur air, batu batan untuk mewujudkan ruangan di kawasan rekreasi tersebut. Seterusnya, reka bentuk untuk rekreasi merupakan salah satu seni yang dapat mengubah dan menyusun atur beberapa elemen landskap berasaskan prinsip reka bentuk tersebut (Mohd Kher *et al.*, 2008).

Taman rekreasi awam diwujudkan bagi menyediakan kemudahan untuk berekreasi berdasarkan kepada suasana semula jadi bagi suatu kawasan lapang atau yang mempunyai ciri-ciri khas tertentu bagi memenuhi setiap keperluan fizikal dan psikologikal pengguna. Pengguna dapat menikmati pemandangan landskap pokok-pokok tumbuhan yang ditanam di sekitar kawasan taman rekreasi yang dapat melahirkan suasana yang aman dan damai (Nur Fateha, 2015).

Penyesuaian kawasan lapang hijau adalah untuk kegunaan masyarakat umum bagi aktiviti rekreasi dan senaman yang sesuai dengan budaya dan keperluan penduduk tempatan, serta aspek dunia hari ini dapat mempengaruhi perubahan gaya hidup masyarakat. (Shaharudin *et al.*, 2014)

2.3 Polisi dan Garis Panduan Penyediaan Taman Rekreasi Awam

Polisi dan garis panduan merupakan suatu pernyataan bertulis yang mengandungi garis panduan untuk dijadikan sebagai rujukan dalam memajukan pembangunan di sesuatu kawasan bandar (Simis *et al.*, 2010). Ia telah digunakan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) untuk mengawal pembangunan supaya ianya bersifat lebih seragam, selesa dan selamat dalam aktiviti guna tanah.

(a) Polisi Negeri

Menurut portal rasmi kerajaan negeri Johor, suatu kenyataan bertulis tentang dasar-dasar dan cadangan-cadangan khas berkaitan dengan kemajuan dan penggunaan tanah, merangkumi aspek-aspek sosial, fizikal, ekonomi dan alam semula jadi bagi sesuatu kawasan di negeri Johor telah digariskan dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN). Seterusnya, penyediaan bagi RSN Johor yang

komprehensif akan memacu Negeri Johor ke arah pembangunan yang bersepadu. Antara dasar yang telah digariskan dalam (RSN) bagi membangunkan suatu kawasan bandar atau luar bandar ialah memperbaiki lagi alam sekitar dari sudut fizikal. Keduannya, memperbaiki lagi perhubungan dan pengurusan lalu lintas. Selanjutnya, meningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat, sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat. Akhir sekali, melaksanakan pembangunan yang lebih maju dan lestari.

(b) Garis panduan Perancangan Bandar dan Wilayah

Menurut garis panduan umum yang telah dinyatakan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2013), setiap perancangan tapak yang menjalankan kerja-kerja pembangunan perlu memaksimumkan kelebihan alam semulajadi seperti badan-badan air, kawasan bekas lombong, kawasan saliran air, bukit-bukau dan kehijauan tumbuhan dalam mereka-bentuk imej taman rekreasi awam. Setiap kerja pembangunan kawasan lapang dan rekreasi awam harus memperuntukkan ruangan dengan keluasan yang lebih sesuai dengan fungsi manfaaatnya, mencukupi dan mampu untuk menampung keperluan semasa pada masa kini dan akan datang.

2.4 Pihak Berkuasa yang Bertanggungjawab

Hal ehwal berkaitan dengan tanah dalam Perlembagaan Persekutuan dapat ditakrifkan di bawah Senarai Negeri, maka segala bentuk hal ehwal berkenaan tanah adalah tertakluk di bawah pentadbiran serta bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri (JPBD, 2007). Manakala, bagi perkara yang berhubung dengan Kerajaan Tempatan pula diperuntukkan di bawah Senarai Negeri iaitu Jadual Kesembilan Butiran 4(a) di dalam Perlembagaan Persekutuan. Terdapat dua bentuk pentadbiran di peringkat tempatan iaitu sistem pentadbiran pejabat daerah dan struktur kerajaan tempatan.

(a) Pihak Berkuasa Tempatan

Keperluan undang-undang tentang pihak berkuasa perancang tempatan adalah di bawah seksyen 5(1) Akta 172. Perkara ini, pihak berkuasa tempatan, iaitu pihak berkuasa yang telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan di bawah Akta 172. Bermaksud, pihak berkuasa tempatan selain daripada melaksanakan tugas-tugas tradisinya, pihak berkuasa tempatan haruslah menjadi pihak berkuasa ataupun perancang tempatan yang melaksanakan tanggungjawab bagi merancang dan membangunkan kawasan dalam konteks pembangunan nasional (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2007).

(b) Pejabat Daerah

Menurut portal rasmi kerajaan negeri Johor (2020) fungsi pejabat pentadbiran tanah adalah untuk mewujudkan kawasan rekreasi dengan persekitaran kehidupan yang kearah selesa, ceria, bersih dan indah bagi negeri Johor. Selain itu, mewujudkan ruangan landskap dalam setiap projek pembangunan serta menentukan kemudahan fasiliti rekreasi dan landskap sejajar dengan keperluan semasa pengguna di kawasan sekitar. Seterusnya, mewujudkan pemandangan landskap yang mampan, berfungsi dan secara menyeluruh di suatu kawasan bandar dan desa di negeri Johor. Di samping itu, meningkatkan lagi kepenggunaan teknologi peralatan moden pada perlandskap dan kepelbagaian spesis tanaman landskap tumbuhan. Tambahan lagi, membangunkan pengkalan data serta maklumat-maklumat landskap bagi setiap daerah yang ada di negeri Johor. Akhir sekali, mewujudkan komuniti Johor yang lebih berpengetahuan tinggi, berdisiplin dan cintakan persekitaran yang indah serta bersih dalam kemajuan negeri Johor.

2.5 Kepentingan Rekreasi Awam kepada Penduduk

Taman rekreasi awam sebenarnya mempunyai fungsi mengindahkan dan seterusnya dapat mewujudkan kawasan lestari hijau untuk menarik perhatian komuniti yang cintakan alam sekitar. Taman rekreasi memberikan faedah dan manfaat daripada aspek psikologi, sosial, fizikal, dan rohani

kepada manusia dengan mempunyai landskap alam semula jadi yang tersendiri seperti pokok-pokok hijau, bunga, dan elemen-elemen air

Aktiviti rekreasi dan riadah dapat mengurangkan risiko mendapat penyakit berbahaya seperti obesiti, darah tinggi, dan sebagainya. Aktiviti rekreasi seperti aktiviti bersenam dan bersukan sudah pasti dapat mengelakkan seseorang individu daripada mendapat penyakit yang boleh membawa maut seperti serangan jantung (Bakar, 2010). Sehubungan itu, aktiviti riadah dan gaya hidup sihat adalah penting untuk mengurangkan risiko penyakit berbahaya di kalangan komuniti.

(a) *Kepentingan Rekreasi dari Aspek Fizikal*

Aktiviti rekreasi dapat menyihatkan kesihatan tubuh badan manusia. Kesihatan fizikal dan mental merupakan dua elemen yang saling berkait dalam menjadikan tubuh badan manusia sihat dan cergas. Aktiviti rekreasi dan riadah mampu memberi peningkatan mutu pembangunan fizikal dan mental seseorang individu dalam menikmati keindahan landskap di kawasan taman rekreasi.

(b) *Kepentingan Rekreasi dari Aspek Sosial*

Antara kebaikan rekreasi awam kepada masyarakat adalah masyarakat dapat mengeratkan hubungan sama ada hubungan dengan masyarakat setempat ataupun dengan ahli keluarga sendiri. Melalui aktiviti rekreasi, seseorang individu akan bertegur sapa dengan individu lain yang berada di kawasan sekelilingnya, lantas dapat mengeratkan hubungan silaturahim. Aktiviti rekreasi dikatakan dapat menguatkan hubungan antara masyarakat sekeliling. Peluang- peluang rekreasi seperti taman rekreasi yang disediakan merupakan medium perantaraan kepada masyarakat supaya dapat meluangkan masa bersama-sama .

(c) *Kepentingan Rekreasi dari Aspek Ekonomi*

Pembangunan ekonomi untuk taman rekreasi ini membuka peluang pekerjaan dan dapat menarik kedatangan pengunjung luar datang ke taman rekreasi tersebut dan menjana ekonomi penduduk setempat. Seterusnya ia memberi idea kepada pihak berkuasa tempatan untuk mempertingkatkan taman rekreasi dan kawasan persekitarannya agar dapat menjana ekonomi setempat.

(d) *Kepentingan Rekreasi dari Aspek Psikologi*

Aktiviti rekreasi aktif menunjukkan impak positif dalam kesejahteraan fizikal dan gaya hidup sihat manusia . Terdapat kajian yang memberi sokongan terhadap aktiviti rekreasi yang pasif sebagai pembolehubah psikologikal yang dapat mengurangkan tekanan hidup dan menstabilkan keadaan emosi seseorang individu tersebut (Martinsen, 2008). Rekreasi memainkan peranan penting dalam psikologi kehidupan masyarakat moden hari ini. Ini adalah kerana amalan serta gaya hidup sihat memainkan peranan penting dalam mencorak sebuah masyarakat yang lebih progressif, berinovatif dan rasional menuju dan mengisi pembentukan ke arah negara yang maju dan produktif.

3. Metodologi Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif iaitu *mixed method* bagi kedua-dua objektif kajian. Kajian kuantitatif akan melibatkan pengedaran borang soal selidik untuk mendapatkan pandangan dari penduduk tempatan mengenai kepentingan pembangunan serta isu-isu semasa tentang penyediaan taman rekreasi. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji bagi kaedah kualitatif adalah pemerhatian (*observation*) secara langsung di kawasan yang dikaji dan kaedah temubual dengan pihak yang bertanggungjawab terhadap pembangunan di kawasan kajian.

3.2 Persampelan dan Responden Kajian

(a) Instrumen Kajian

Kajian kuantitatif dilaksanakan melalui pengedaran borang soal selidik dan kualitatif dilaksanakan melalui temu bual dan pemerhatian. Seramai 381 orang responden dipilih secara rawak. Manakala, bagi kaedah temu bual penyelidik menemu bual pihak berkuasa tempatan yang terlibat dalam pembangunan dan perancangan kawasan rekreasi dan landsap. Bagi kaedah pemerhatian penyelidik akan melihat keadaan semasa yang berlaku di kawasan kajian.

3.3 Analisis Data

Bagi kaedah kuantitatif penyelidik menganalisis data dengan menggunakan statistik deskriptif. Data latar belakang responden seperti jantina, umur, pekerjaan dan tempat tinggal dan sebagainya daripada borang soal selidik akan dinilai serta dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

Analisis kualitatif terhadap hasil data dan maklumat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari temu bual berbentuk soalan semi – struktur yang dijalankan di buat secara penjelasan terhadap maklumat yang di berikan. Peringkat akhir bagi kajian adalah membuat kesimpulan dan cadangan penambahbaikan berdasarkan isu-isu yang telah dikenalpasti pada peringkat penemuan kajian.

4. Keputusan dan Perbincangan

4.1 Analisis Latar Belakang Responden

Borang soal selidik telah diagihkan kepada responden-responden iaitu penduduk yang berada sekitar parit raja. Selain itu, borang soal selidik ini diagihkan secara atas talian (*online*) dengan menggunakan kaedah *google form*. Seramai 390 responden memberikan maklum balas terhadap borang soal selidik yang telah diagihkan. Manakala responden untuk kaedah temu bual telah dipilih seramai 2 orang yang terdiri daripada pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan dengan pembangunan serta perancangan bagi kawasan di Parit Raja.

Jadual 1: Senarai responden yang ditemubual

| Kod | Nama | Pejabat/Unit | Jawatan | Tarikh ditemubual |
|-----|---------------------------------|-------------------------------------|------------------------------|---------------------|
| R1 | Norhiysam Bin Mohamad@ Samad | Jabatan PerancanganBandar | Pegawai PerancangBandar | 3 Disember 2020 |
| R2 | Siti Fatimah Binti Badrul | Jabatan Landskap danKejuruteraan | Penolong Arkitek Landskap | 16 November 2020 |

4.2 Isu-Isu Penyediaan Kemudahan Taman Rekreasi Awam di Parit Raja



Pihak responden R2 yang di temu bual menyatakan bahawa isu utama yang timbul berkenaan pembangunan taman rekreasi awam di parit raja adalah tiada kawasan lapang yang luas serta bersesuaian untuk dibangunkan sebagai taman rekreasi awam. Responden R1 juga turut menyokong kenyataan dari R2 dan menyatakan bahawa lokasi perletakkan kawasan cadangan masih lagi dalam pencarian pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan kerajaan negeri.

Seterusnya, isu yang dinyatakan oleh pihak R1 adalah mengenai kos peruntukan serta komitmen yang tinggi dari kerajaan negeri dan kerajaan pusat. R2 telah menjelaskan bahawa peruntukkan perlu diletakkan sebagai faktor utama dalam setiap pembangunan yang ingin didirikan dibawah pentadbiran berkuasa tempatan.

Selain itu, R2 juga menyatakan pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai status tanah berkeluasan besar untuk pembangunan seperti taman rekreasi awam yang dimiliki sepenuhnya oleh pihak kerajaan negeri di kawasan parit raja. Seperti mana yang terdapat dalam bab 1 dan bab 2 sebelum ini pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) telah menetapkan hierarki, keluasan, saiz tadahan penduduk dan fungsi taman rekreasi yang ingin dibangunkan. Dan perkara ini merupakan penting untuk di tangani oleh pihak berkuasa tempatan.

Pada masa kini penyelidik mendapati bahawa sememangnya sebahagian taman rekreasi di sekitar kawasan parit raja yang mempunyai kemudahan fasiliti tetapi tidak di baik pulih dengan sebaiknya. Jadual 2 di bawah menunjukkan tentang keadaan semasa sekitar kawasan kajian.

Jadual 2: Keadaan kemudahan fasiliti mengikut kategori

| Kategori | Gambar | Keadaan |
|---|--|---|
| Pusat Bandar |  | <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemudahan Fasiliti gelanggang futsal tidak diselenggara dengan baik. (ii) Tiada sebarang elemen landskap lembut yang menarik yang berfungsi sebagai teduhan dan hiasan di kawasan ini. |
| Rajah 1: Pusat Sukan Komuniti Parit Raja | | |
| Kawasan Taman |  | <ul style="list-style-type: none"> (i) Kemudahan fasiliti alatan permainan disediakan tetapi tidak diselenggara dengan baik. (ii) Elemen sokongan seperti tong sampah, tempat duduk dan laluan pejalan kaki tidak diselenggara dengan baik. |
| Rajah 2: Kawasan di Taman Wira Jaya | | |

4.3 Kepentingan Pembangunan Taman Rekreasi Awam di Parit Raja

Pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja adalah penting kerana ia dapat memberikan pelbagai impak yang bermanfaat dari aspek sosial, ekonomi, dan fizikal dalam kehidupan masyarakat setempat.

*(a) Kepentingan Taman Rekreasi Awam - Aspek Sosial***Jadual 3: Kepentingan taman rekreasi awam dari aspek sosial**

| Dari Aspek Sosial | | | | |
|--------------------------|---|------|--------------|---------------------|
| Bil | Pernyataan | Min | Tahap purata | Kekerapan Tertinggi |
| 1. | Taman rekreasi awam kepada masyarakat mampu mengeratkan hubungan sama ada hubungan dengan komuniti setempat mahupun dengan ahli keluarga sendiri. | 4.40 | Tinggi | Sangat setuju |
| 2. | Taman rekreasi awam boleh menjadi tempat untuk menyambut perayaan tertentu seperti, menyambut hari kemerdekaan. | 4.13 | Tinggi | Sangat setuju |

Pernyataan yang mendapat purata min kurang tinggi sebanyak 4.13 iaitu taman rekreasi awam boleh menjadi tempat untuk menyambut perayaan tertentu seperti, menyambut hari kemerdekaan. Ia menunjukkan bahawa responden berfikir bahawa menyambut perayaan seperti hari kemerdekaan sepatutnya perlu dilakukan di dataran daerah. Sebagai contoh, di dataran batu pahat akan diadakan sambutan hari kemerdekaan negara pada setiap tahun.

Manakala, bagi pernyataan yang mendapat purata min yang tinggi sebanyak 4.40 iaitu taman rekreasi awam kepada masyarakat mampu mengeratkan hubungan sama ada hubungan dengan komuniti setempat mahupun dengan ahli keluarga sendiri. Hal ini memang bersesuaian dan disokong oleh R2 bahawa di taman rekreasi masyarakat dapat berhubung bersama-sama dalam waktu melakukan aktiviti riadah. Kerjasama antara masyarakat juga dapat dijalinan ketika melakukan rekreasi.

*(b) Kepentingan Taman Rekreasi Awam - Aspek Ekonomi***Jadual 4: Kepentingan taman rekreasi awam dari aspek ekonomi**

| Dari Aspek Ekonomi | | | | |
|---------------------------|---|------|--------------|---------------------|
| Bil | Pernyataan | Min | Tahap Purata | Kekerapan Tertinggi |
| 1. | Dengan adanya taman rekreasi untuk penduduk setempat berkumpul, dan beriadah akan menjadi tempat tumpuan orang ramai seterusnya peniaga kecil mungkin boleh mendapat tempas dari pusat tarikan aktiviti orang ramai ini | 4.37 | Tinggi | Sangat setuju |
| 2. | Taman rekreasi awam mampu menunjukkan identiti dan keunikan bagi pekan Parit Raja di mata pengunjung luar | 4.31 | Tinggi | Sangat setuju |

Dari segi aspek ekonomi pula responden sangat setuju (purata min 4.37) bahawa dengan adanya taman rekreasi penduduk setempat mempunyai tempat untuk berkumpul dan beriadah. Kawasan ini akan menjadi tempat tumpuan orang ramai seterusnya peniaga kecil mungkin boleh mendapat tempas dari pusat tarikan aktiviti orang ramai. Di samping itu, menunjukkan responden sangat setuju bahawa taman rekreasi awam mampu menunjukkan identiti dan keunikan bagi pekan Parit Raja di mata pengunjung luar (nilai purata min 4.31). R1 serta R2 memberi penjelasan tentang taman rekreasi yang ingin dibangunkan di Parit Raja juga akan menonjolkan ciri-ciri khas berkenaan dengansejarah pembangunan Parit Raja.

(c) *Kepentingan Taman Rekreasi Awam – Aspek Fizikal*

Jadual 5: Kepentingan taman rekreasi awam dari aspek fizikal

| Dari Aspek Fizikal | | | | |
|--------------------|---|------|--------------|---------------------|
| Bil | Pernyataan | Min | Tahap Purata | Kekerapan Tertinggi |
| 1. | Taman rekreasi awam mampu menjadi tempat tumpuan masyarakat berehat dan beriadah denganmelakukan aktiviti yang sihat. | 4.45 | Tinggi | Sangat setuju |
| 2. | Kawasan rekreasi yang mempunyai landskap ataupun lestari hijau yang menarik dan dapat menyegarkan minda yang mungkin kusut dan bercelaru. | 4.42 | Tinggi | Sangat setuju |

Selain itu, untuk aspek fizikal, responden sangat setuju (purata min 4.45) bahawa taman rekreasi awam mampu menjadi tempat tumpuan masyarakat berehat dan beriadah dengan melakukan aktiviti yang sihat. Pernyataan ini sangat dipersetujui kerana seperti yang sedia maklum, taman rekreasi adalah kawasan untuk masyarakat melakukan aktiviti sihat bagi menjaga kesihatan tubuh badan. Pengguna yang dapat memanfaatkan kemudahan fasiliti yang disediakan akan memperoleh peningkatan tahap gaya kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulan ataupun individu. Seterusnya, untuk pernyataan yang mendapat purata min sebanyak 4.42 adalah kawasan rekreasi yang mempunyai landskap ataupun lestari hijau yang menarik dan dapat menyegarkan minda yang kusut dan bercelaru. Memang tidak dapat dinafikan, dewasa ini masyarakat lebih bijak memilih kerana mereka mengidamkan sebuah kawasan rekreasi yang mempunyai daya tarikan serta konsep yang mempersona untuk melakukan aktiviti riadah.

4.5 Potensi Pembangunan Taman Rekreasi Awam di Parit Raja

Menurut pernyataan R1 dan R2, pembangunan taman rekreasi awam masih lagi dalam penilaian pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP). Namun begitu, pada masa kini terdapat satu pembangunan *pocket park* dibawah pemilikan pihak MPBP di kawasan taman universiti yang dijangka siap pada tahun 2021 dan projek pembangunan tersebut telah menelan belanja sebanyak RM500,000. Pembangunan tersebut dilaksanakan untuk kegunaan masyarakat setempat bagi melakukan aktiviti riadah.



Rajah 3: Pembangunan *pocket park* yang sedang dibangunkan di Taman Universiti

(a) *Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Taman Rekreasi Awam*

Menurut R1, antara kaedah yang perlu dilaksanakan sekiranya pembangunan taman rekreasi awam dibangunkan di suatu tempat pihak berkuasa tempatan akan memperinci setiap tanah kerajaan yang berpotensi dimajukan untuk tujuan berkenaan. Ia juga disokong oleh R2 kerana pihak berkuasa tempatan perlu menganalisis, dan mengetahui status tapak tanah yang ingin dibangunkan untuk tujuan berkenaan. Setelah perkara tersebut selesai, pihak Jabatan Landskap dan Kejuruteraan akan melakar pelan serta memperincikan lagi perkara-perkara yang perlu dijalankan untuk pembangunan taman rekreasi awam. Keseluruhan jabatan harus melibatkan diri dalam pembangunan taman rekreasi awam yang ingindirikan supaya pembangunan berkenaan berjalan lancar. R2 menyatakan kerjasama semua pihak jabatan mampu memudahkan lagi kerja-kerja pembangunan yang dijalankan. Setiap jabatan mempunyai tanggungjawab dan peranan mereka untuk pelaksanaan yang lebih cepat.

(b) *Cadangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Pembangunan Taman Rekreasi Awam di Parit Raja*

Hasil temu bual R1 menyatakan bahawa sememangnya ada perancangan untuk membangunkan taman rekreasi awam di kawasan Parit Raja. Pernyataan tersebut telah disokong oleh R2 yang menyatakan bakal dilaksanakan pembangunan taman rekreasi awam untuk kegunaan masyarakat. R1 menyatakan bahawa kemudahan asas yang akan disediakan adalah mengikut keperluan semasa dan memenuhi kehendak masyarakat serta mematuhi tahap keselamatan yang tinggi. R2 juga turut menyokong pernyataan tersebut kerana setiap kemudahan yang disediakan haruslah mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk diguna pakai oleh pengguna.

R1 dan R2 turut menyatakan cadangan oleh PBT mengenai pembangunan taman rekreasi awam dan kemudahan-kemudahan fasiliti yang akan disediakan sekiranya terdapat pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja. Antara cadangan yang diusulkan adalah membangunkan *linear park* di kawasan Parit Raja. Contoh fasiliti yang akan disediakan adalah seperti *outdoor gym* di suatu kawasan, dan pada kawasan lain akan disediakan taman permainan untuk kategori kanak-kanak dan sebagainya.


(c) *Cadangan Penduduk Bagi Pembangunan Taman Rekreasi Awam*

Cadangan responden yang diperolehi daripada borang soal selidik mendapati bahawa sebanyak 73% responden menyatakan bahawa pembangunan taman rekreasi awam ia dapat memudahkan penduduk melakukan aktiviti rekreasi dan riadah kerana pada masa ini tiada kawasan yang khusus untuk masyarakat setempat melakukan aktiviti riadah. Jika diteliti dengan lebih mendalam, taman rekreasi awam Tasik Y di Batu Pahat agak berjauhan untuk penduduk Parit Raja melakukan aktiviti rekreasi.



Rajah 4: Cadangan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja

Kajian mendapati bahawa 80% responden lebih memilih laluan/trek jogging untuk mereka melakukan aktiviti riadah. Ini berkemungkinan kerana aktiviti berjogging merupakan aktiviti yang popular, mudah, dan tidak perlu mengeluarkan modal yang tinggi serta tidak memerlukan banyak fasiliti yang perlu digunakan. Trek jogging adalah suatu kemudahan fasiliti yang asas untuk disediakan oleh pihak berkuasa tempatan kerana mampu menarik lebih ramai pengguna untuk melakukan aktiviti rekreasi. Hal ini demikian kerana, trek jogging merupakan fasiliti yang tidak perlu dibaik pulih setiap masa, melainkan terdapat kerosakkan yang mendapat aduan daripada pengguna.



Rajah 5: Cadangan kemudahan fasiliti yang harus disediakan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada soal selidik yang di laksanakan majoriti cadangan serta pendapat masyarakat di Parit Raja bagi fasiliti yang diperlukan oleh penduduk setempat adalah trek atau laluan berjogging, tandas awam, dan fasiliti untuk bersukan seperti gelanggang badminton dan sebagainya. Ini adalah bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti riadah. Hasil pemerhatian penyelidik mendapati ketiadaan fasiliti-fasiliti tersebut menyebabkan kekurangan aktiviti rekreasi yang dilakukan oleh penduduk di sekitar kawasan kajian.

5. Kesimpulan

Terdapat pelbagai isu tentang pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja Antara isu utama berkenaan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja yang di kenalpasti adalah disebabkan beberapa aspek terutamanya tentang kos peruntukkan yang akan dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Seterusnya, ketiadaan kawasan tanah lapang yang ingin dibangunkan sebagai taman rekreasi awam untuk masyarakat setempat di Parit Raja di mana kawasan yang lapang dan luas merupakan suatu perkara asas di dalam pembangunan taman rekreasi.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik terhadap penyediaan semasa kawasan rekreasi di kawasan kajian didapati keadaan di beberapa taman yang terdapat kemudahan fasiliti tidak dibaik pulih dan diselenggara dengan segera. Seterusnya, terdapat kekurangan elemen landskap lembut terutamanya pokok teduhan di kawasan-kawasan rekreasi. Di samping itu, kekurangan kemudahan permainan pada beberapa taman permainan dan keadaan yang bersemak samun di mana erdapat beberapa pihak yang menjadikan kawasan padang ini sebagai tempat

penyimpanan barang seperti bekas kabel wayar. Keadaan ini menjadikan kawasan ini tidak dapat digunakan secara maksima sekaligus menjejaskan kualiti visual.

Kajian mendapati persepsi penduduk Parit Raja mengenai kepentingan penyediaan taman rekreasi awam secara keseluruhannya adalah positif di mana penyediaan taman rekreasi awam di rasakan penting untuk memudahkan mereka menjalankan aktiviti riadah. Sebagai rumusan, kajian mengenalpasti kepentingan pihak yang berkenaan melaksanakan pembangunan taman rekreasi awam di Parit Raja dengan segera agar dapat memberi manfaat yang sebaiknya kepada masyarakat setempat. Pembangunan taman rekreasi awam merupakan sesuatu yang penting bagi penduduk di sekitar Parit Raja kerana dengan adanya taman rekreasi awam, masyarakat dapat melakukan aktiviti riadah dan sukan di dalam persekitaran yang selamat dan selesa.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menyokong kajian ini.

Rujukan

- Bakar, Z. A. (2010). Hutan Bandar Sebagai Taman Rekreasi Di Kawasan Perumahan Zaleha Binti Abu Bakar Universiti Teknologi Malaysia.
- Garis Panduan Perancangan (2013). *Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi GP005-A*.
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2007). Peranan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Dalam Pembangunan Tanah.
- Martinsen, E. W. (2018) Physical activity in the prevention and treatment of anxiety and depression. *Nord J Psychiatry* 2008;62 Suppl 47:2529. Oslo. ISSN 0803-9488.
- Mohd Kher, H., Noorizan, M. & MustafaKamal, M.S. (2008). Pengenalan kepada asas senibina landskap. Serdang: Universiti PutraMalaysia
- MPBP (2016). Draf laporan rancangan kawasan khas Bandar Penggaram 2016-2025, 105.
- Nur Fateha (2015). Fungsi dan peranan taman rekreasi. Diperoleh daripada <http://dokumen.tips/documents/fungsi-dan-peranan-taman-rekreasi.html>, 8 Mac 2017.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Johor: <https://www.johor.gov.my>
- Shafii, H., & Miskam, N. (2017). Akademia Baru Journal of Advanced Research in Social Transformasi Pekan Parit Raja impact terhadap landskap sosioekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat (Transformations at Pekan Parit Raja impact towards socio economic landscape and community to quality), 2(2), 119–133.
- Shaharuddin, I., Abdul Samad, H., & Abdul Hadi, H. S. (2014). Kesihatan dan Infrastruktur Hijau Untuk Bandar Berdayahuni. *Geografi*, 2(3), 82-94.
- Simis, M., Nashahar, M. F., & Ghazali, A. R. Y. (2010). *Negara Jabatan Landskap*.